MOH/S/IPTK/29.23(TR)

LAPORAN TEKNIKAL 2022

KAJIAN TINGKAH LAKU PENCEGAHAN COVID-19 DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH HARIAN DI MALAYSIA



INSTITUT PENYELIDIKAN TINGKAHLAKU KESIHATAN
INSTITUT KESIHATAN NEGARA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MALAYSIA

NMRR-20-2792-57322

Hak Cipta © 2022 Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan,
Institut Kesihatan Negara,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sebarang pertanyaan atau komen mengenai laporan ini perlu diajukan kepada;

Penyelidik,
Kajian Tingkah Laku Pencegahan Covid-19 Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Harian Di Malaysia,
Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan,
Institut Kesihatan Negara.

Penafian:

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, ilustrasi dan isi kandungan laporan ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Cadangan Petikan:

Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan (IPTK), Institut Kesihatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia. (2022). Tingkah Laku Pencegahan COVID-19 dalam Kalangan Pelajar Sekolah Harian di Malaysia.

Dicetak dan diedarkan:

Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan,
Blok B3, Komplek Institut Kesihatan (NIH),
No. 1, Jalan Setia Murni U13/52,
Section U13, Setia Alam,
40170 Shah Alam, Selangor.

Telefon : +603 3362 7600 | Emel : tadbir_iptk@moh.gov.my | URL : https://iptk.moh.gov.my

Penggunaan dan diseminasi dokumen ini adalah digalakkan. Walaubagaimanapun, dokumen ini atau cetakan semula tidak boleh digunakan untuk tujuan komersil. Pandangan yang ditulis dalam laporan ini adalah pandangan penulis semata-mata dan tidak semestinya mewakili pandangan penyelidik yang lain, mahupun pandangan atau dasar pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT TEKNIKAL

Dr. Manimaran a/l Krishnan,
Pengarah Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

KUMPULAN KERJA TEKNIKAL

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

1. Pn. Noryate binti Muda
2. Cik Suriana binti Mohd Asari

Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan

En. Selvarajah a/l Manikam

Sektor Biostatistik & Data Repositori

Pn. Norazizah binti Ibrahim Wong

KETUA PENGARANG

Nurashma Juatan,
Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

PENGARANG

**Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia**

1. Nadia Hani Jahaya,
2. Zaikiah Mohd Zin,
3. Abu Bakar Rahman,
4. Sheikh Shafizal Sheikh Ilman,
5. Dr Normawati Ahmad,
6. Saiful Adli Suhaimi

Penutusan Pengarah



Dalam usaha mengekang serta mengurangkan wabak COVID-19, banyak negara telah mengambil langkah berjaga-jaga dengan melaksanakan strategi mitigasi komuniti. Hal yang sama diperuntukkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) agar wabak dapat dicegah bagi menjamin keselamatan warga kerja dan pelajar di sesebuah institusi pendidikan. Namun keberkesanan langkah-langkah mitigasi ini bergantung kepada pengoperasian pentadbir sekolah serta pematuhan seluruh komuniti di sekolah. Sesi persekolahan dalam fasa pandemik COVID-19 merupakan satu cabaran besar dalam meneruskan kelangsungan pendidikan. Ironinya, warga sekolah perlu mengurus dan mengendalikan pelajar ke arah satu transisi rutin baharu di sekolah selain mengutamakan pengajaran dan pembelajaran. Pelajar yang bersifat dinamik dan sudah biasa dengan rangkaian budaya dan sosial di sekolah sebelum ini pasti berdepan cabaran tingkah laku. Aspek pencegahan wabak perlu dititikberat sewajarnya seperti penggunaan pensanitasi tangan, penutup hidung dan mulut serta budaya kerap membasuh tangan dengan sabun.

Justeru, bagi menilai tahap pematuhan prosedur di sekolah, Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan telah mengambil inisiatif menjalankan kajian seumpama ini bagi menyelami trend tingkah laku pelajar sekolah. Pengetahuan dan tingkah laku pelajar terhadap penularan wabak berjangkit ini memainkan peranan penting dalam menentukan kesediaan komuniti sekolah untuk menerima langkah perubahan tingkah laku daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Justeru saya berharap penerbitan laporan teknikal ini dapat membantu warga KPM dan KKM sebagai data asas dan sumber rujukan dalam menentukan keperluan pengurusan pandemik di institusi pendidikan di Malaysia.

Sekian, Terima Kasih

Dr. Manimaran Krishnan
Pengarah Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan
Institut Kesihatan Negara
Kementerian Kesihatan Malaysia

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia atas kebenaran menerbitkan laporan ini. Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah memberi kebenaran serta sokongan teknikal untuk menjalankan kajian ini di seluruh Malaysia. Tidak ketinggalan ucapan jutaan terima kasih kepada pihak Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM atas sokongan teknikal, tenaga kerja serta penyediaan data-data yang diperlukan untuk melengkapkan kajian ini.

Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada beberapa Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) di Selangor, Kelantan, Johor, Kedah, Sabah dan Sarawak yang telah memberi izin untuk menjalankan aktiviti kutipan data terhadap 24 buah sekolah yang terpilih dalam kajian ini. Justeru, ucapan terima kasih juga diucapkan kepada pengetua-pengetua dan guru-guru di SMK Ungku Aziz, SMK Bagan Terap, SMK Kubang Kerian, SMK Cherang Ruku, SMK Tinggi Segamat, SMK Sultan Ibrahim, SMK Mergong, SMA Ma'ahad Tahfiz Al-Abidin, SMK Sook, SMK Tinggi Kota Kinabalu, SMK Petra Jaya dan SMK Meradong yang terlibat secara langung ketika fasa kutipan data sedang berlangsung. Tidak dilupakan juga buat guru besar-guru besar dan guru-guru di SK Ulu Semenyih, SK Desa Baiduri, SK Jeli (1), SK Sultan Ibrahim (1), SK Medini, SJK (T) Masai, SJK (C) Min Terk, SK Penghulu Ahmad, SK Lahad Datu II, SK Darau, SK Abang Aing dan SK Kampung Jepak yang turut terlibat secara langsung ketika pelaksaan kutipan data berlangsung. Seterusnya, dititipkan penghargaan buat semua pelajar sekolah yang telah terlibat dalam kajian ini.

Akhir sekali, apresiasi juga ditujukan kepada orang perseorangan yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

Perutusan Pengarah ..... **i**

Penghargaan ..... **ii**

Senarai Singkatan ..... **v**

Senarai Jadual & Gambar Rajah ..... **vi**

Ringkasan Eksekutif ..... **vii**

1.0 Pengenalan **1**

1.1 Pengoperasian Sekolah **1**

1.2 Langkah Pencegahan Penularan Wabak di Sekolah **2**

1.3 Pernyataan Masalah **3**

1.4 Objektif Kajian **4**

1.4.1 Objektif utama **4**

1.4.2 Objektif Khusus **4**

1.5 Justifikasi Kajian **4**

2.0 Metodologi **5**

2.1 Reka bentuk kajian **5**

2.2 Populasi kajian **5**

2.3 Tempoh dan lokasi kajian **5**

2.4 Prosedur persampelan **5**

2.5 Saiz persampelan **6**

2.6 Kriteria persampelan **7**

2.6.1 Kriteria penerimaan **7**

2.6.2 Kriteria penolakan **7**

2.7 Prosedur pengumpulan data **7**

2.8 Instrumen kajian **8**

2.9 Pengurusan dan Analisis Data **9**

2.10 Kelulusan Etika **9**

Muka Surat

3.0 Hasil Kajian **10**

3.1 Profil Demografi **10**
3.2 Domain Pengetahuan **10**
3.3 Domain Tingkah Laku **11**
3.3.1 Saringan Suhu Badan **11**
3.3.2 Penjarakan Fizikal **11**
3.3.3 Kebersihan Tangan **12**
3.3.4 Pemakaian Pelitup Muka **12**

4.0 Perbincangan **14**

4.1 Tahap Pengetahuan Wabak COVID-19 ..... **14**
4.2 Saringan Suhu Badan di Sekolah **15**
4.3 Penjarakan Fizikal di Sekolah **15**
4.4 Amalan Kebersihan Tangan Pelajar **16**
4.5 Pemakaian Pelitup Muka di Sekolah **17**

5.0 LIMITASI KAJIAN **18**

6.0 CADANGAN & KESIMPULAN **19**

RUJUKAN **21**

LAMPIRAN **25**

SENARAI SINGKATAN

AKRONIM	PENERANGAN
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
BPSH	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KKMM	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MKN	Majlis Keselamatan Negara
MREC	*Medical Research & Ethics Committee* (Jawatankuasa Etika & Penyelidikan Perubatan)
NMRR	*National Medical Research Register* (Registri Penyelidikan Perubatan Kebangsaan)
NPI	*Non-Pharmacological Intervention* (Intervensi Bukan Farmakologikal)
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PKPB	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat
PKPP	Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan
SME	*Subject Matter Expert* (Pakar Bidang Khusus)
SOP	*Standard Operating Procedure* (Prosedur Operasi Standard)
WHO	*World Health Organization* (Pertubuhan Kesihatan Sedunia)

SENARAI JADUAL

Jadual 1	Demografi Persekolahan Pelajar
Jadual 2	Profil Sosiodemografi Pelajar
Jadual 3	Pengetahuan Pelajar Tentang COVID-19
Jadual 4	Tingkah Laku Saringan Suhu Badan di Sekolah
Jadual 5	Tingkah Laku Penjarakan Fizikal di Sekolah
Jadual 6	Tingkah Laku Kebersihan Tangan Pelajar di Sekolah
Jadual 7	Tingkah Laku Pemakaian Pelitup Muka di Sekolah

SENARAI GAMBAR RAJAH

Gambar rajah 1	Pengiraan persampelan kelompok berstrata dua peringkat
Gambar rajah 2	Ringkasan instrumen kajian
Jadual 3	Pengetahuan Pelajar Tentang COVID-19
Jadual 4	Tingkah Laku Saringan Suhu Badan di Sekolah
Jadual 5	Tingkah Laku Penjarakan Fizikal di Sekolah
Jadual 6	Tingkah Laku Kebersihan Tangan Pelajar di Sekolah
Jadual 7	Tingkah Laku Pemakaian Pelitup Muka di Sekolah

RINGKASAN EKSEKUTIF

Berikutan penurunan kes jangkitan baharu wabak COVID-19 secara harian, kerajaan Malaysia melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 4 Mei 2020, diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang berkuat kuasa 10 Jun 2020. Situasi ini telah menyaksikan pelonggaran sekatan secara bertahap yang membenarkan sektor pendidikan beroperasi semula dengan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat bermula 24 Jun 2020. Selaras dengan itu, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengumumkan pembukaan sekolah secara berperingkat sejajar dengan "Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah" dan "Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu" yang telah dibangunkan bagi memastikan aspek kesihatan dan keselamatan diutamakan.

Rentetan gelombang ketiga COVID-19 sekitar bulan Oktober 2020, sekolah sekali lagi diarahkan tutup semula akibat pertumbuhan kadar kes baru harian yang melibatkan kluster komuniti di sekolah. Namun sesi persekolahan dibuka semula pada tahun berikutnya, bermula bulan Mac 2021 dan arahan ditutup semula pada bulan Mei 2021 sebagai tindak balas kepada lonjakan kes. Ketika ini, sekatan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara Malaysia telah dikuatkuasakan semula bagi mengekang penularan kes harian. Namun, sejauh mana tingkah laku pencegahan COVID-19 dalam kalangan pelajar sekolah adalah tidak diketahui. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menjalankan kajian bagi menilai pengetahuan dan tingkah laku pematuhan pelajar terhadap saringan suhu kesihatan, penjarakan fizikal, amalan mencuci tangan dan pemakaian pelitup muka ketika berada di sekolah.

Kajian ini dijalankan secara dalam talian dengan menggunakan soal selidik yang melibatkan 24 buah sekolah kerajaan di kawasan bandar dan luar bandar yang terpilih di seluruh Malaysia. Seramai 3485 orang responden yang terlibat adalah terdiri daripada pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah. Hasil kajian mendapati pengetahuan tinggi dalam kalangan pelajar sekolah iaitu data menunjukkan julat peratusan antara 84.1% sehingga 99.6%. Majoriti pelajar memberikan jawapan yang betul bagi item-item bagi domain umum COVID-19, kaedah penularan jangkitan wabak, gejala utama COVID-19 dan SOP norma baharu.

Secara keseluruhan, tingkah laku pencegahan penularan wabak juga menunjukkan penemuan yang baik. Sebanyak 94.8% responden melakukan pemeriksaan suhu badan setiap kali memasuki kawasan sekolah, 82.6% responden melakukan penjarakan fizikal ketika sesi pembelajaran di dalam kelas bersama guru, 54.3% responden menggunakan air dan sabun setiap kali mencuci tangan dan 87.9% responden patuh kepada SOP memakai pelitup muka di sekolah. Namun, terdapat kadar penurunan kawalan kendiri penjarakan fizikal pelajar ketika tiada pemantauan secara langsung daripada guru. Perkara ini berlaku ketika pertukaran waktu pembelajaran, waktu rehat dan selepas sesi persekolahan. Selain daripada itu, amalan mencuci tangan merupakan tingkah laku yang paling rendah diamalkan berbanding semua SOP norma baharu di sekolah. Justeru, pemerhatian dan pemantauan berterusan diperlukan semasa waktu kelonggaran tersebut bagi memastikan pelajar mematuhi SOP dalam keadaan norma baharu. Selain itu, mewujudkan persekitaran yang memudahkan pelajar untuk mencuci tangan di sekolah juga perlu diambil perhatian sewajarnya bagi membudayakaan amalan mencuci tangan di sekolah.





INSTITUT PENYELIDIKAN TINGKAHLAKU KESIHATAN
INSTITUT KESIHATAN NEGARA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIAMALAYSIA